

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa tiada tindakan undang-undang diambil terhadap Mon Space (M) Sdn Bhd yang terlibat dalam aktiviti "illegal deposit taking" dan "skim cepat kaya".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bank Negara Malaysia (BNM) telah membuat penilaian awal terhadap aktiviti yang dijalankan oleh Mon Space dan mendapati Mon Space telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk

perniagaan "*Multi Level Marketing*" (MLM) dan "*E-Commerce in Good Health*". Walau bagaimanapun, syarikat tersebut tidak memiliki lesen daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk menjalankan perniagaan MLM. BNM akan merujuk syarikat tersebut kepada KPDNKK untuk tindakan sewajarnya memandangkan perniagaan MLM adalah di bawah bidang kuasa KPDNKK. Selain itu, BNM akan terus memantau modus operandi yang dijalankan oleh Mon Space dan sekiranya terdapat elemen-elemen yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta yang ditadbir oleh BNM, pihak BNM akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas syarikat tersebut.